KULIAH AKIDAH

DI MANA ALLAH?

Dikuliahkan oleh:

Ustaz Abu Farouq Rasul bin Dahri

012-7713635, 019-7783635
07-3353635 (Rumah) 07-3345240 (Pejabat)

بســــــم الله الرحمن الرحيم

اِنَّ الْحَمْدَللهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوْذُبِاللهِ مِنْ شُرُوْرِاَنْفُسنَاوَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا مَــــنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَمُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَهَادِيَ لَهُ وَاَشْهَدُاَنْ لاَاِلَهَ اِلاَّاللهُ وَحْدَهُ لاَشَـــــرِيْكَ لَـــهُ وَاَشْهَدُاَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ . اَمَّا بَعْدُ: فَاِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ عَزَّوَجَلَّ وَاَحْـــسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مَحَمَّدٍ . وَشَرَّالاُمُوْرِمُحْدَثَاتُهَا فَاِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بَدْعَةٌ وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَــلاَلَةٌ وَكُـــلَّ ضَلاَلَةٍ فِى النَّارِ.

DI MANA ALLAH?

Terdapat golongan masyarakat yang menyerupakan zat, nama-nama dan sifat-sifat Allah dengan makhlukNy. Mereka menyamakan keberadaan Allah dengan makhlukNya sehingga meyakini Allah berada **"di mana-mana"** yang meliputi semua benda. Begitulah pengakuan golongan yang sesat[1] ini apabila ditanyakan *"Di mana Allah?"*.

Menjawab pertanyaan di mana Allah wajib melalui al-Quran, as-Sunnah dan fatwa para ulama Ahli Sunnah yang bermanhaj Salaf terutama para Salaf yang hidup di zaman wahyu dan dikurun mufadhalah (مُفَــضَّلَةٌ). Kerana mereka (para Salaf) mengetahui bila, di mana dan mengapa wahyu turun. Mereka dididik oleh Nabi dengan al-Quran dan mengambil agama sebagai petunjuk secara langsung dari baginda. Mereka para insan yang paling mulia. Mereka berilmu tentang agama, tiada syubahat terutama dalam memahami zat, nama dan sifat Allah. Akidah mereka diakui oleh Rasulullah

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِيْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ.

"Sebaik-baik manusia yang di kurunku, kemudian yang sesudahnya (Tabi'in), kemudian yang sesudah mereka (tabi'ut at-tabi'in)".[2]

Adapun golongan yang sesat, mereka memutar-belitkan hujjah tentang ***"Di mana Allah?"*** melalui ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan melalui hawa nafsu atau akal fikiran semata yang menyalahi penafsiran Ahli Sunnah wal-Jamaah. Antara ayat-ayat yang dimaksudkan ialah:

---

[1]. Lihat: الرسالة السلفية فى احياء سنة البرية Hlm. 129. Muhammad bin Ali As- Syaukani.

[2]. H/R Bukhari.

Ayat Pertama:

اَلَمْ تَرَى اَنَّ اللهَ يَعْلَمُ مَافِى السَّمَاوَاتِ وَمَافِى الْاَرْضِ مَايَكُوْنُ مِنْ نَّجْوَى ثَلاَثَةٍ اِلاَّ هُوَ رَابِعُهُمْ وَلاَ خَمْسَةٍ اِلاَّ هُوَ سَادِسُهُمْ وَلاَ اَدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلاَ اَكْثَرَ اِلاَّ هُوَ مَعَهُمْ اَيْنَ مَاكَانُوْا ثُمَّ يُنَبِّئُكُمْ بِمَا عَمِلُوْا يَوْمَ الْقِيَامَةِ اِنَّ اللهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيْمٌ.

*"Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah mengetahui apa yang di langit dan yang ada di bumi. Tiada perkataan rahsia antara tiga orang, melainkan Dialah yang keempat. Dan tiada (perkataan antara) lima orang melainkan Dialah yang keenam. Dan tiada (pula) perkataan antara (jumlah) yang kurang dari itu atau yang lebih banyak melainkan Dia ada bersama mereka di manapun mereka berada. Kemudian Dia akan memberitakan kepada mereka pada Hari Kiamat apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu". **Al-Mujadalah, 58:7***

Penjelasan Ayat Pertama:

Ayat ini dari awal sehinggalah ke akhir ayat, ia dimulakan dengan memperkatakan pengetahuan Allah atau ilmuNya iaitu: *"Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah Mengetahui apa yang ada di langit dan yang ada di bumi".* Ayat ini sebenarnya memperkatakan ilmu Allah: "*Allah Maha Mengetahui*" apa yang di langit dan di bumi. Dia Mengetahui bisikan dua orang yang berbisik-bisik atau yang lebih dari dua orang dan bukan memperkatakan Allah di mana-mana. Ayat ini diakhiri dengan kalimah ilmu: *"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu".* Ini membuktikan Allah bersama kita ilmuNya bukan zatNya.[3] Imam Ahmad telah menerangkan tentang maksud ayat ini:

اِفْتَتَحَ الْاَيَة بِالعِلْمِ وَاخْتَتَمَهَا بِالْعِلْمِ.

"Dimulakan ayat ini dengan memperkatakan ilmu dan diakhiri juga dengan memperkatakan ilmu".[4]

Menurut Imam Ahmad, dimaksudkan Allah bersama hambaNya ialah yang bersama ***"ilmuNya bukan zatNya"***, jawapan ini bukan bid'ah kerana Imam Ahamd sentiasa menentang bid'ah. Inilah penafsiran para ulama Salaf. Ibn Jarir dari Ad-Dahak menjelaskan: *"Dia di atas 'ArasyNya dan yang bersama dengan mereka ialah ilmuNya. Bahawasanya Dia menyaksikan mereka dengan ilmuNya dan Dia di atas 'ArasyNya".*[5]

---

[3]. Lihat: علاقة الاثبات والتفويض بصفات رب العالمين Hlm 80 Redza bin Nu'san Mu'ti.

[4]. Ibid.

[5]. Lihat: الشريعة Hlm. 298. al-Ajari. Ditahkik oleh Hamid.

Imam Ibn Kathir *rahimahullah* menjelaskan:

وَلِهَذَا حَكَى غَيْرُ وَاحِدِ الاِجْمَاعِ عَلَى اَنَّ الْمُرَادَ بِهَذِهِ الاَيَةِ مَعِيَّةُ عِلْمهُ تَعَالَى.

"Oleh kerana yang demikian, telah menceritakan bukan seorang malah secara ijmak atas kesepakatan mereka bahawa yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah Allah bersama seseorang ilmuNya".[6]

Imam Ibn Kathir *rahimahullah* menjelaskan lagi:

لاَ يَغِيْبُ عَنْهُ مِنْ اُمُوْرِهِمْ شَيْء ثُمَّ قَالَ تَعَالَى {ثُمَّ يُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوْا يَوْمَ الْقِيَامَةِ اِنَّ اللهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ عَلِيْمٍ}.

"Tidak tersembunyi dari pengetahuanNya segala apapun perkara (urusan) mereka, oleh kerana itu Allah berfirman: Kemudian Dia akan memberitahukan kepada mereka pada Hari Kiamat apa yang mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu".[7]

Ayat Kedua:

Ada golongan yang menjadikan ayat di bawah ini sebagai hujjah untuk membuktikan Allah berada di mana-mana (tidak bertempat). Firman Allah:

وَهُوَ مَعَكُمْ اَيْنَمَا كُنْتُمْ.

"Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada". ***Al-Hadid, 57:4.***

Penjelasan Ayat Kedua:

Penafsiran yang sahih: *"Dia bersama kamu*" bukanlah bersama dengan makhluk zat atau tempat sebagaimana pendapat sufi yang berakidah wahdatul wujud (وحدة الوجود). Menurut ulama Alhi Sunnah wal-Jamaah:

"Allah bersama dengan mereka kudrat, pendengaran, pentadbiran, kerajaan atau dengan makna kerububiyahanNya, sedangkan Dia di atas Arasy dan di atas segala makhluk-makhlukNya".[8]

Sufiyan At-Thauri menafsirkan melalui hadith riwayat Imam Bukhari:

---

[6]. Lihat: Tafsir Ibn Kathir, jld. 4. hlm. 322.

[7]. Ibid.

[8]. Lihat: القواعد الْمُثْلَى فى صفات الله واسمائه الحسنى Hlm. 58. Uthaimin.

بِاَنَّ ذَلِكَ عِلْمُهُ كَمَا رُوِيَ ذَلِكَ عَنْهُ الْبُخَارِي.

"Sesungguhnya diayat tersebut ialah yang bersama kita IlmuNya sebagaimana diriwayatkan (tentang ayat tersebut) dari Bukhari".[9]

وَقَالَ الذَّهَبِى : رُوِيَ غَيْرُ وَاحِدٍ عَنْ معْدَانٍ قَالَ : سَاَلْتُ سُفْيَانَ الثَّوْرِى عَنْ قَوْلِهِ تَعَالَى : (وَهُوَ مَعَكُمْ اَيْنَمَا كُنْتُمْ) قَالَ : بِعِلْمِهِ.

"Berkata az-Zahabi: Telah diriwayatkan bukan sahaja hanya dari seorang, dari Ma'dan berkata: Aku telah bertanya kepada Sufiyan at-Thauri tentang firman Allah (Dan Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada) beliau berkata: (Yang bersama ialah) IlmuNya".[10]

Ibn Jarir menafsirkan: *"Dia melihat kamu wahai manusia di mana sahaja kamu berada, Dia mengetahui tentang kamu dan mengetahui segala amal kamu, Dia di atas 'ArasyNya dan 'ArasyNya di atas langit ke tujuh".*[11]

Berkata Abu Al-Qasim Al-Asfahani: *"Jika mereka mempersoalkan kamu tentang pentakwilan ayat (Dia bersama kamu di mana kamu berada) dan kamu menafsirkan IlmuNya? Kami katakan: Sesungguhnya ayat tersebut menunjukkan bahawa yang* ***dimaksudkan yang bersama ialah ilmuNya*** *kerana Dia berfirman di akhir ayat tersebut (Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui di atas segala sesuatu)".*[12]

Berkata Ibn Kathir: *"Dia mengawasi kamu, memerhatikan perbuatan kamu di mana sahaja kamu berada sama ada di daratan, di lautan, dimalam hari, disiangnya, di dalam rumah-rumah kamu atau di luar rumah. Segala-galanya dalam pengetahuanNya (ilmuNya) tanpa terkecuali. Segala-galanya di bawah penglihatanNya, pendengaranNya, Dia mendengar percakapan kamu, melihat kedudukan kamu, mengetahui semua rahsia-rahsia dan bisikan kamu kerana Dia telah berfirman:*

اَلاَ اِنَّهُمْ يَثْنُوْنَ صُدُوْرَهُمْ لِيَسْتَخْفُوْا مِنْهُ اَلاَ حِيْنَ يَسْتَغْشُوْنَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّوْنَ وَمَا يُعْلِنُوْنَ اِنَّهُ عَلِيْمٌ بِذَاتِ الصُّدُوْرِ.

"Ingatlah! Sesungguhnya (orang munafik itu) memalingkan dada mereka untuk menyembunyikan diri daripadanya (Muhammad). Ingatlah! Di waktu mereka

---

[9]. H/R Bukhari فى خلق افعال العباد. Lihat: الشرعة hlm 298. Al-Ajiri الابانة الكبرى Jld. 1. Hlm. 194.

[10]. Lihat: علاقة الاثبات والتفويض بصفات رب العالمين hlm. 81 Ridza bin Nu'san Mu'ti.

[11]. Lihat: تفسير الطبري jld. 27. hlm. 125.

[12]. Ibid. Jld. 2. hlm. 186.

menyelimuti dirinya dengan kain, Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka lahirkan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi hati".[13]

سَوَاءٌ مِّنْكُمْ مَّنْ اَسَرَّالْقَوْلَ وَمَنْ جَهَرَبِهِ وَمَنْ هُوَمُسْتَخْفٍ بِالَّيْلِ وَسَارِبٌ بِالنَّهَارِ.

"Sama sahaja siapa antaramu yang merahsiakan ucapannya dan yang berterus-terang dengan ucapannya itu, siapa yang bersembunyi dimalam hari dan yang berjalan (menampakkan diri) disiang hari".[14]

Ibn Kathir menjelaskan: *"Tiada Ilah selain Dia, tiada Tuhan Pencipta selain Dia, telah thabit (jelas) di dalam hadith sahih bahawa Rasulullah bersabda kepada Jibril semasa ditanya tentang ihsan, baginda bersabda: Hendaklah kamu menyembahNya seolah-olah kamu melihatNya dan jika kamu tidak melihatNya sesungguhnya Dia melihat kamu".*[15] (Bersama dan melihat tidaklah serupa kerana tidak semestinya melihat itu bersama pada zatNya).

Berkata Abu Hayyan Al-Andelusi, At-Thauri dan Al-Qurtubi:

وَهُوَ مَعَكُمْ اَيْ بِالْعِلْمِ وَالقَدْرِ

"Dia bersama kamu, yang bersama ilmuNya dan kudrahNya".[16]

"Allah Maha Mengetahui" segala yang dilakukan makhlukNya dan yang tersemat di hatinya. Ilmu dan kudrat Allah bersamanya, ilmu Allah amat luas menguasai segala ciptaanNya. Berkata al-Alusi:

وَالْاٰيَةُ تَمْثِيْلٌ لِإحَاطَةِ عِلْمُ اللهِ بِهِمْ وَتَصْوِيْرٌلِعَدَمِ خُرُوْجِهِمْ عَنْهُ اَيْنَمَا كَانُوْا.

"Semua ayat (yang memperkatakan di mana Allah) pembuktian ilmu Allah meliputi mereka dan menggambarkan bahawa tidak terlepasnya mereka dari ilmu Allah walaupun di mana mereka berada".[17]

قَالَ الْقَاسِمِيْ: وَقَدْبَسَطَ الْإمَامُ اَحْمَدُالْكَلاَمَ عَلَى الْمَعِيَّةِ فِىالرَّدِّ عَلَى الْجَهْمِيَّةِ وَلَفْظُ الْمَعِيَّةِ فِىكِتَابِ اللهِ جَاءَ عَامًا كَمَافِىهَاتَيْنِ الْآيَتَيْنِ اَلْحَدِيْدِوَالْمُجَادَلَةِ وَجَاءَ خَاصًافِى قَوْلِهِ تَعَالَى: اِنَّ اللهَ مَعَ الَّذِيْنَ اتَّقَوْاوَالَّذِيْنَ هُمْ مُحْسِنُوْنَ وَقَوْلُهِ: اِنَّنِي مَعَكُمَااَسْمَعُ وَاَرَىوَقَوْلِهِ:

---

13. Surah Hud, 11:5.

14. Surah Ar Ra'd, 13:10.

15. Lihat: تفسير ابن كثير. Jld. 4. Hlm. 304.

16. Lihat: البحر المحيط Jld. 9. Hlm. 217. Dan تفسير القرطبى Jld. 18. Hlm. 137.

17. Lihat: علاقة الاثبات والتفويض بصفات رب العالمين hlm. 82. Ridza bin Nu'san Mu'ti.

لاَتَحْزَنْ اِنَّ اللهَ مَعَنَا. فَلَوْكَانَ الْمُرَادُ بِذَاتِهِ مَعَ كُلِّ شَيْءٍ لَكَانَ التَّعْمِيْمِ يُنَاقِضُ التَّخْصِيْص فَإِنَّهُ قَدْ عَلِمَ اَنَّ قَوْلَهُ : (لاَ تَحْزَنْ اِنَّ اللهَ مَعَنَا) اَرَادَ بِهِ تَخْصِيْصهُ وَاَبَا بَكْرٍ دُوْنَ عَدُوِّهِمْ مِنَ الْكُفَارِ.

"Berkata Al-Qasimi: Imam Ahmad membantah Jahmiyah tentang (مُعِيَّة) "Allah di mana-mana (bersama makhluk)". Beliau berkata: Lafaz ma'iyah (مَعِيَّةٌ) di dalam kitab Allah didatangkan secara am sebagaimana di dua potong ayat al-Hadid dan al-Mujadalah. Ada kalanya didatangkan secara khas sebagaimana firmanNya: (Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bertakwa dan mereka yang berbuat kebaikan). FirmanNya: (Sesungguhnya Aku bersama kamu berdua, mendengar dan melihat). FirmanNya: (Janganlah berdukacita sesungguhnya Allah bersama kita). Sekiranya dimaksudkan di ayat ini zatnya bersama setiap sesuatu, tentulah jika dimaksudkan secara umum (bersama makhlukNya) bertentangan dengan yang khusus. Telah diketahui firmanNya (Janganlah berdukacita sesungguhnya Allah bersama kita) jika dikehendaki (oleh Jahmiyyah) secara umum (Allah berserta makhlukNya tentulah di samping) bersama Rasulullah juga bersama musuh Rasulullah sedangkan Abu Bakar tidak terhitung kalangan kuffar (musuh). Begitu juga firmanNya (Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa dan mereka yang berbuat baik) ayat ini khusus tidak termasuk orang yang zalim dan pelaku maksiat".[18]

قَالَ اْلإِمَامُ اَحْمَدُ: فَلَفْظُ الْمَعِيَّةِ لَيْسَتْ فِى لُغَةِ الْعَرَبِ وَلاَشَيْءِ مِنَ الْقُرْآنِ اَنْ يُرَادَ بِهَا اِخْطِلاَط اِحْدَى الذَّاتَيْنِ بِاْلأُخْرَى كَمَافِى قَوْلِهِ تَعَالَى: (مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ وَالَّذِيْنَ مَعَهُ) وَفِىقَوْلِهِ : (فَأُوْلَئِكَ مَعَ الْمُؤْمِنِيْنَ) وَقَوْلِهِ (اِتَّقُوْا اللهَ وَكُوْنُوْا مَعَ الصَّادِقِيْنَ) وَفِى قَوْلِهِ : (وَجَاهِدُوْا مَعَكُمْ) وَمِثْلُ هَذَا كَثِيْرٌ فَامْتَنَعَ اَنْ يَكُوْنَ قَوْلُهُ (وَهُوَ مَعَكُمْ) يَدُلُّ عَلَى اَنَّ ذَاتَهُ مُخْتَلِطَةٌ بِذَوَاتِ الْخَلْقِ.

"Maka lafaz (مَعِيَّةٌ) dalam Bahasa Arab dan di dalam al-Quran tidak pernah diertikan: "Bersatunya dua zat antara satu dengan yang lain. Contohnya firman Allah: {Muhammad itu utusan Allah dan orang-orang yang bersamanya}. FirmanNya: {Mereka bersama orang-orang yang beriman}. FirmanNya: {Bertakwalah kamu sekalian kepada Allah dan bersamalah orang-orang yang siddiqin}. Ayat seperti dicontohkan ini amat banyak. Ayat ini dapat menghalang dari memaksudkan firman Allah (Dia bersama kamu) menunjukkan ZatNya meliputi sekalian zat-zat makhlukNya".[19]

---

[18]. Ibid. Hlm. 82-83.
[19]. Ibid.

Berkata Al-Qasimi: *"Telah menjadi kebiasaan lafaz* (مَعِيَّةٌ) *"bersama" dalam bahasa (Arab) sekalipun menunjukkan berkumpul, berserta dan bersama, jika dilibatkan dengan hamba ia menunjukkan ketinggian 'ArasyNya. Maka ma'iyah dalam segala tempat mengikut perkiraanNya, berserta semua makhluk IlmuNya, KudratNya serta KekuasaanNya dan dikhususkan sebahagian mereka dengan pertolongan, kemenangan dan bantuanNya".*[20]

Berkata Syamsuddin az-Zahabi ulama besar mazhab Syafie: *"Sesiapa mengingkari bahawa Allah 'Azza wa-Jalla di langit, maka dia seorang yang kafir".* (Lihat: مختصرالعلو للعلي الغفار al-Hafiz Syamsuddin az-Zahabi. hlm 137). Nas-nas di atas menunjukkan ilmu Allah bersama sesiapa sahaja, bukan zatNya kerana Allah bersemayam di atas 'ArasyNya yang berada di langit.

Ayat Ketiga:

وَهُوَ اللهُ فِى السَّمَوَاتِ وَفِى الْاَرْضِ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَاتَكْسِبُوْنَ.

"Dan Dialah Allah (disembah), di langit dan di bumi, mengetahui apa yang kamu lahirkan dan yang kamu usahakan". ***Al-An'am, 6:3.***

Penjelasan Ayat Ketiga:

Berkata Al-Ajiri: ayat ini membantah fahaman Jahmiyah, para pengikutnya dan golongan yang sefahaman dengan mereka. Beliau berkata:

وَمِمَّا يَلْبِسُوْنَ بِهِ عَلَىمَنْ لاَعِلْم مَعَهُ قَوْلُهُ تَعَالَى: وَذَكَرَالْاَيَةُ السَّابِقَةُ. قَالَ: هَذَا كُلُّهُ اِنَّمَايَطْلُبُوْنَ بِهِ الْفِتْنَةُ وَهُوَعِنْدَاَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ اَهْلِ الْحَقِّ. وَهُوَاللهُ فِى السَّمَوَاتِ وَفِىالْاَرْضِ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَاتَكْسِبُوْنَ. هُوَكَمَا قَالَ اَهْلُ الْحَقِّ: يَعْلَمُ سِرَّكُمْ مِمَّاجَاءَ تْ بِهِ السُّنَنُ اَنَّ اللهَ عَزَّوَجَلَّ عَلَىعَرْشِهِ وَعِلْمُهُ مُحِيْطٌ بِجَمِيْعِ خَلْقِهِ يَعْلَمُ مَاتُسِرُّوْنَ وَمَاتُعْلِنُوْنَ يَعْلَمُ الْجَهْرَمِنْ الْقَوْلِ وَيَعْلَمُ مَاتَكْتُمُوْنَ.

"Berkenaan apa yang meyelubungi mereka yang tidak berilmu tentang firman Allah yang lalu: Ini pada keseluruhannya memerlukan penjelasan ahli ilmu dan ahli hak, yang mana (Dialah Allah Yang disembah), baik oleh mereka yang berada di langit ataupun di bumi, Dia Mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan yang kamu lahirkan dan Mengetahui apa yang kamu usahakan, iaitu sebagaimana dikatakan oleh ahli kebenaran: Dialah Yang Mengetahui rahsia kamu sebagaimana yang didatangkan beritanya oleh sunnah- sunnah bahawasanya Allah 'Azza wa-Jalla di atas 'ArasyNya dan IlmuNya meliputi seluruh makhlukNya, Dia Mengetahui apa

---

[20]. Lihat: محاسن التأويل. Hlm. 5674. Al-Qasimi.

yang mereka rahsiakan dan yang mereka lahirkan, Mengetahui perkataan yang terang dan Mengetahui yang tersembunyi".[21]

Terdapat beberapa ayat menyerupai ayat di atas antaranya:

وَهُوَ الَّذِيْ فِى السَّمَآءِ اِلَهٌ وَفِى اْلاَرْضِ اِلَهٌ.

*"Dia Tuhan Yang disembah di langit dan Tuhan di bumi". **43:84.***

Ayat ini memaklumkan Tuhan Yang Esa disembah oleh makhluk di langit sebagaimana disembah oleh makhluk di bumi".[22] Nas al-Quran yang menjelaskan Allah di langit dan *"Allah bersemayam di atas 'ArasyNya"* disebut berulangkali ditujuh tempat. Antara ayat-ayat tersebut ialah:

اَلرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى.

*"Ar-Rahman (Allah) bersemayam di atas 'ArasyNya". **Taha, 20:5.***

اِنَّ رَبَّكُمُ اللهُ الَّذِيْ خَلَقَ السَّـــمَاوَاتِ وَاْلاَرْضِ فِىسِتَّةِ اَيَّامٍ ثَمَّ اسْتَوَىعَلَى الْعَرْشِ.

*"Sesungguhnya Tuhanmu ialah Allah yang mencipta langit dan bumi dalam enam masa. Lalu bersemayam di atas 'Arasy". **Al-A'raaf, 7:54.***

اِنَّ رَبَّكُمُ اللهُ الَّذِيْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَاْلاَرْضَ فِى سِتَّةِ اَيَّامٍ ثَمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ.

*"Sesungguhnya Tuhanmu itu adalah Allah yang mencipta langit dan bumi dalam enam hari kemudian Ia bersemayan di atas 'Arasy". **Yunus, 10:3.***

ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ.

*"Kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy".**Al-Furqan, 25:59.***

اَللهُ الَّذِيْ رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ.

*"Allah Zat yang mengangkat langit tanpa tiang yang kamu lihatnya kemudian Ia bersemayam di atas 'Arasy". **Ar-Ra'd, 13:***

اَللهُ الَّذِيْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَاْلاَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ اَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ مَا لَكُمْ مِنْ دُوْنِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلاَ شَفِيْعٍ اَفَلاَ تَتَذَكَّرُوْنَ.

"Allah menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Tidak ada bagi

---

[21]. Lihat: عَلاَقة الاثبات والتفويض بصفات رب العالمين. Hlm. 83-84.

[22]. Lihat: **الشرعية.** Hlm. 298.

*kamu selain daripadaNya penolongpun dan tidak (pula) seorang pemberi syafa'at. Maka apakah kamu tidak berfikir".**As-Sajadah, 32:4.***

هُوَ الَّذِيْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالاَرْضَ فِى سِتَّةِ اَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ.

"Dialah yang telah menjadikan langit dan bumi dalam enam hari (masa) kemudian Dia bersemayan di atas Arasy". ***Al-Hadid, 57:4.***

Ayat-ayat yang menjelaskan Allah di langit membatalkan pendapat golongan yang mendakwa Allah di mana-mana. Firman Allah:

ءَ اَمِنْتُمْ مَنْ فِى السَّمَآءِ اَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ الاَرْضَ.

"Apakah kamu merasa aman terhadap Allah di langit bahawa Dia akan menyungkir-balikkan bumi bersama kamu". ***Al-Mulk, 67:16.***

اِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَالِحُ يَرْفَعُهُ.

"KepadaNya naik perkataan baik dan amal soleh dinaikkanNya". ***35:10.***

بَلْ رَفَعَهُ اِلَيْهِ

"Tetapi! Allah telah mengangkat Isa kepadaNya". ***An-Nisa', 4:158.***

وَرَافِعُكَ اِلَيَّ.

"Sesungguhnya akan mengangkat engkau kepadaKu". ***Ali Imran, 3:55.***

يَخَافُوْنَ رَبَّهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ.

"Mereka takutTuhan mereka di atas mereka (di langit)". ***An-Nahl, 16:50.***

Ibn Abbas, ad-Dahhak, Malik, Sufiyan ath-Thauri dan ramai lagi dari kalangan ulama salaf muktabar berkata: *"Dia (Allah) bersama kamu: Iaitu yang bersama kamu ialah ilmuNya"* Dijelaskan juga disemusa kitab-kitab Allah terutamanya al-Quran, di sunnah RasulNya serta ijmak para ulama Salaf bahawa Allah *Ta'ala* di langit dan bersemayam di atas 'ArasyNya.[23] Sesiapa yang tidak menerima berita ini, dia seorang kufur terhadap wahyu kerana berita Allah di langit dan bersemayam di atas ArasyNya wahyu dari Allah.

Berkata Abu Sa'id Uthman Ad-Darimi: "Barangsiapa tidak melahirkan ibadahnya dan imannya kepada Allah yang bersemayam di atas Arsy dan berada di atas langit terpisan

---

23. Lihat: علاقات الاثبات والتفويض بصفات رب العالمين

dari makhlukNya, maka sesungguhnya ia telah menyembah selain allah dan ia tidak mengetahui di mana Allah”.[24]
Abdullah Bin al-Mubarak berkata: Kami mengetahui bahawa Ar-Rabb (Allah) berada di atas langit yang ke tujuh, bersemayam di atas ArsyNya, terpisah dari makhlukNya. Kami tidak mengatakan seperti perkataan kaum Jahmiyah bahawa Allah berada di sini, sambil menunjuk tangannya ke bawah”. [25]

Berkata Ibnu Khuzaimah: Barangsiapa yang tidakmengatakan bahawa Allah berada di langit, di atas ArsyNya, terpisah dari makhlukNya, maka ia wajib disuruh bertaubat, jika ia enggan bertaubat maka dipenggal lehernya kemudian dibuang ke tempat pembuangan sampah agar baunya tidak mengganggu Ahli Kiblat dan ahli zimmah”. [26]

Allah Tidak Di Arasy?

Setiap muslim wajib mengetahui di mana Allah agar menghadapkan diri, hati, doa, sembahyang dan seluruh ibadahnya kepada hanya Allah. Insan yang tidak tahu di mana Tuhannya akan kesasaran kerana tidak tahu ke mana mereka menghadapkan segala permohonan atau ibadahnya. Banyak keterangan al-Qauran dan hadis sahih yang dipersetujui oleh para ulama Salaf tanpa khilaf bahawa wahyu turun dari langit, ini menunjukkan pemberi wahyu itu di langit dan bersemayam di atas 'ArasyNya. Terdapat banyak hadith sahih menunjukkan Allah di langit. Malangnya ahli bid’ah memutuskan dengan akalnya bahawa Allah dimana-mana bersama makhlukNya. Kata ahil bid’ah: “Kalaulah Allah di langit pasti Ia berjisim seperti makhluk”. Kepercayaan seperti ini adalah batil, bertentangan dengan nas-nas al-Quran dan hadith-hadith sahih yang menjelaskan Allah itu di langit. Sabda Nabi:

رَبُّنَا الَّذِيْ فِى السَّمَآءِ تَقَدَّسَ اسْمُكَ ، اَمْرُكَ فِى السَّمَاءِ وَالاَرْضِ كَمَا رَحْمَتُكَ فِى الـــسَّمَاءِ اِجْعَلْ رَحْمَتَكَ فِى الْاَرْضِ اِغْفِرْلَنَا حُوْبَنَا وَخَطَايَانَا اَنْتَ رَبُّ الطَّيِّبِيْنَ اَنْزِلْ رَحْمَةً مِنْ رَحْمَتِكَ وَشِفَاءً مِنْ شِفَاءِ كَ عَلَى الْوَجَعِ.

*"Ya Tuhan kami! Tuhan yang **di langit**, Engkau mensucikan namaMu (juga) urusanMu yang di langit dan di bumi. Sebagaimana halnya rahmatMu di langit itu, maka jadikanlah pula rahmatMu itu di bumi. Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami. Turunkanlah suatu rahmat dari antara rahmatMu dan suatu kesembuhan dari kesembuhan yang datang dariMu atas penyakit ini, hingga benar-benar sembuh".*[27]

---

[24] . Lihat: Ar-Radd ‘Ala Az-Zanadiqah Wal-Jahamiyah. Hlm. 53.
[25] . Ibid. hlm. 50.
[26] . Lihat: Majmu’ Fatawa 5/52. Ibn Taimniyah. Dan Lihat: Al-Hamawiyah Hlm. 117.
[27]. H/R Abu Daud. No. 2892. Ahmad 6/21. (Hadith hasan).

قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اَلْعَرْشُ فَوْقَ الْمَاءِ وَاللهُ فَوْقَ الْعَرْشِ لاَ يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ مِنْ اَعْمَالِكُمْ . وَفِى الرِّوَايَةِ : وَهُوَ يَعْلَمُ مَا اَنْتُمْ عَلَيْهِ.

"Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: 'Arasy itu berada di atas air dan Allah berada di atas 'Arasy. Tidak satupun dari amal kamu yang tersembunyi dari pengetahuanNya. Dan pada riwayat yang lain: Dia Mengetahui apa yang kamu kerjakan".[28]

اَلاَ تَامِنُوْنِيْ وَاَنَا اَمِيْنٌ مَنْ فِى السَّمَآءِ.

"Tidak kamu percaya kepada aku? Aku di percayai oleh Yang di langit".[29]

Pengertian (فِى السَّمَآءِ) *"Di langit"* ialah (عَلَى السَّمَآءِ) *"Di atas langit"* bukan meliputi semua langit. Ini dapat difahami dari hadith Nabi:

اِنَّ اللهَ كَتَبَ كِتَابًا فَهُوَ عِنْدَهُ فَوْقَ الْعَرْشِ.

"Sesungguhnya Allah Menulis ketentuan yang di sisiNya di atas 'Arasy".[30]

Hadith ini menjelaskan bahawa Allah di atas ‘ArasyNya bukan meliputi Arasy atau langit. Hadith ini diperkuat oleh firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

اَلرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى.

"Tuhan Yang Pemurah, bersemayam di atas 'Arasy". ***Taha, 20:5****.*

ثُمَّ اسْتَوَى اِلَى السَّمَآءِ.

"Dan Dia berkehendak menuju langit". ***Al-Baqarah, 2:29.***

Ayat ini menerangkan Allah menuju langit. Berada di atas langit yang menunjukkan keTinggianNya. Menurut al-Baghawi dinukil dari Ibn Abbas dan para mufassir salaf: Apabila memperkatakan di mana Allah, mereka hanya berpegang pada lahir lafaz *"Istawa"* (استوى) ***“bersemayan di atas ‘Arasy dan ArasyNya di langit”***. Mereka menyerahkan kepada ilmu Allah bagaimananya keTinggian Allah yang sebenarnya.[31] Allah mempunyai zat, perkataan seerti dengan kalimah ***“Zat”*** ialah ***“Jisim”***. Namun, zat atau jisim Allah Yang Esa, Maha Agung, Maha Sempurna dan paling Kamil tidak menyerupai zat atau jisim makhlukNya, kerana Allah telah menegaskan:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

---

[28]. H/R Abu Daud, Abdullah bin Ahmad, Tabrani dan Baihaqi (Hadith hasan, sanadnya sahih)

[29]. H/R Bukhari No. 4351.

[30]. H/R Bukhari dan Muslim.

[31]. Lihat: القواعد الْمُثْلَى فى صفات الله واسكائه الحسنى Hlm. 58. Uthaimin.

“Tiada sesuatu yang menyerupaiNya”.

وَلَمْ يَكُنْ لَه كُفُوًا اَحَدٌ

“Dan tidak ada seseorangpun yang setara denganNya”. ***Al-Ikhlas, 112:4.***

Allah Bersemayam
Di Atas 'ArasyNya

Mentakwil mengikut akal atau hawa nafsu sifat-sifat Allah yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan sunnah merupakan punca kesilapan, kesesatan dan kesyirikan. Misalnya mentakwil istiwa kepada istaula (menguasai) membawa kepada mengingkari sifat Allah yang tinggi/luhur. Jumhur ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang bermanhaj Salaf tiada khilaf mengkufurkan sesiapa yang mengingkari bahawa Allah beristiwa di atas 'ArasyNya. Dikufurkan kerana mengingkari ayat al-Quran dan hadith sahih. Begitu juga *"sesat/kufur"* sesiapa yang menukar kalimah isitwa kepada istiaula. Ummi Salamah *radiahlahu 'anha* menjelaskan tentang firman Allah:

اَلرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى.

"Allah bersemayam di atas 'ArasyNya",

Beliau berkata: *"Al-Istiwa tidak majhul (diketahui), caranya pula tidak diketahui, berpegang dengannya keimanan dan menentangnya kufur".*[32]

Imam Malik telah ditanya maksud: اَلرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

“Ar-Rahman (Allah) bersemayam di atas ‘Arasy.”

Beliau menjawab:

اَلاِسْتِوَاءُ مَعْلُوْمٌ وَالْكَيْفُ مَجْهُوْلٌ وَالاِيْمَانُ بِه وَاجِبٌ وَالسُّؤَالُ عَنْهُ بِدْعَةٌ.

"Al-Istiwa telah dimaklumi, bagaimananya itu majhul, mengimaninya adalah wajib dan mempersoalkannya adalah bid'ah".[33]

Istiwanya Allah di atas 'Arasy menunjukkan ketinggianNya atas segala makhluk dan Dia sentiasa berada dalam ketinggian. Dalil-dalil al-Quran dan hadith-hadith sahih yang menunjukkan ketinggian Allah:

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْاَرْضَ وَلاَ يَؤُوْدُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمِ

"Kursi Allah meliputi langit dan bumi, Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, Dia Maha Tinggi lagi Maha Agung". 2:255.

---

[32].Lihat: علاقة الاثبات hlm 32. Redza bin Nu'san Mukti. Al-Lalakaii dalam شرح اصول السنة

[33]. Al-Akidah al-Wasitiyah. Ibn Taimiyah. Syarah Soleh Fauzan al-Fauzan. Hlm. 14.

سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ اْلاَعْلَى.

*"Sucikanlah nama Rabbmu (Tuhanmu) Yang Paling Tinggi". **Al-A'la, 87:1.***

اِنَّ اللهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيْرًا.

*"Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Besar". **An-Nisa, 4:34.***

ذَلِكَ بِاَنَّ اللهَ هُوَالْحَقُّ وَاَنَّ مَايَدْعُوْنَ مِنْ دُوْنِهِ هُوَالْبَاطِلُ وَاَنَّ اللهَ هُوَالْعَلِيُّ الْكَبِيْرُ.

*"(Kuasa Allah), demikian itu kerana sesungguhnya Allah, Dialah yang Hak, sesungguhnya apa yang mereka seru selain Allah, itulah yang batil, sesungguhnya Allah, Dialah Maha Tinggi lagi Maha Agung". **22:62.***

عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيْرُ الْمُتَعَالِ.

*"Maha Mengetahui ghaib dan nyata, Maha Agung lagi Maha Tinggi". **13:9.***

حَتَّى اِذَا فُزِّعَ عَنْ قُلُوْبِهِمْ قَالُوْا مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ قَالُوْا الْحَقَّ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيْرُ.

*"Sehingga apabila dihilangkan ketakutan di hati mereka, mereka berkata: Apakah yang difirmankan oleh Rabbmu, mereka menjawab: (Perkataan) yang hak (benar). Dan Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung". **Saba', 34:23.***

اِنَّهُ عَلِيٌّ حَكِيْمٌ.

*"Sesungguhnya Dia Maha Tinggi dan Bijaksana". **Asy-Syura, 42:51.***

Hadith sahih yang menjelaskan ketinggian Allah *a*ntaranya ialah:

اِذَا قَضَى اللهُ اْلاَمْرَ فِى السَّمَآءِ ضَرَبَتِ الْمَلاَئِكَةُ بِاَجْنِهَتِهَا خَضْعَانًا لِقَوْلِهِ كَاَنَّهُ سِلْسِلَةٌ عَلَى صَفْوَانٍ يُنْقِذُهُمْ ذَلِكَ حَتَّى اِذَا فُزِّعَ عَنْ قُلُوْبِهِمْ قَالُوْا : مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ ؟ قَالُوْا الْحَقُّ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيْرُ.

Apabila Allah menetapkan perintah di atas langit para malaikat memukul sayap-sayapnya kerana patuh akan firmanNya, seakan-akan terdengar seperti gemerincing rantai di atas batu rata, hal itu menakutkan mereka (sehingga mereka jatuh pengsan kerana takut). Ketika dihilangkan rasa takut dari hati mereka, mereka berkata: Apakah yang difirmankan oleh Tuhanmu). Mereka menjawab: Firman Al-Hak yang benar dan Dialah yang Maha Tinggi dan Maha Besar".[34]

قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اِتَّقُوْا دَعْوَةَ الْمَظْلُوْمِ فَاِنَّهَا تَصْعَدُ اِلَى اللهِ كَاَنَّهَا

[34]. H/R Bukhari dan Ibnu Majah. Hadith ini disahihkan oleh al-Albani.

شِرَارَةٌ . وَفِي لَفْظٍ اِلَى السَّمَآءِ.

Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Hati-hatilah kamu dari doa orang yang teranaiya (dizalimi atau diperlakukan secara tidak adil) kerana sesungguhnya doa mereka naik kepada Allah seperti bunga api. Pada lafaz yang lain, naik ke langit".[35]

اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي خُطْبَتِهِ يَوْمَ عَرَفَةَ : اَلاَهَلْ بَلَّغْتُ ؟ فَقَالُوْا: نَعَمْ . فَجَعَلَ يَرْفَعُ اِلَى السَّـــمَاءِ وَيَنْكُتُهَا اِلَيْهِمْ وَيَقُوْلُ : اَللَّهُمَّ اشْهَدْ.

"Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda semasa berkhutbah di hari 'Arafah: Apakah aku sudah sampaikan (risalahku)? Para sahabat menjawab: Ya! Kemudian Rasulullah mengisyaratkan jari telunjuknya ke langit lalu bersabda: Ya Allah saksikanlah".[36]

Nabi Muhammad mengisyaratkan Allah *Azza wa-Jalla* di langit:

اَنَّ رَسُـــوْلَ اللهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَـــلَّمَ قَالَ : اَلاَ تَأْمَنُوْنَنِيْ وَاَنَا اَمِيْنٌ مَنْ فِي السَّمَآءِ يَـــأْتِنِيْ خَبَرٌ مِنَ السَّمَآءِ صَبَاحٌ وَمَسَاءٌ.

"Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam telah bersabda: Tidakkah kamu mempercayai aku sedangkan aku yang dipercayai oleh (Zat) Yang berada di atas langit Yang menurunkan khabar (wahyu) pada waktu pagi dan petang?".[37]

اَلرَّاحِمُوْنَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ اِرْحَمُوْا مَنْ فِي اْلاَرْضِ يَرْحَمُكُمْ مَنْ فِي السَّمَآءِ.

"Orang-orang yang menyayangi akan disayangi oleh Ar-Rahman. Sayangilah orang di bumi, akan disayangi oleh Yang di langit".[38]

وَالَّـــذِيْ نَفْسِـــيْ بِيَدِهِ مَا مِنْ رَجُـــلٍ يَدْعُـــوْ اِمْرَاَتَهُ اِلَى فِرَاشِـــهِ فَاَبَى عَلَيْهِ اِلاَّ كَـــانَ الَّذِيْ فِي السَّمَآءِ سَاخِطًا عَلَيْهَا حَتَّى يَرْضَى عَنْهَا.

"Demi nyawaku yang di tanganNya, tidaklah seseorang lelaki (suami) yang mengajak isterinya ke tempat tidurnya maka ia (isterinya) enggan mematuhinya kecuali Yang di langit (Allah) akan mengutuknya (memurkainya) sehinggalah ia diredhai oleh suaminya".[39]

---

35. H/R al-Hakim, ad-Darimi dan az-Zahabi (disahihkan oleh al-Albani).

36. H/R Bukhari, Muslim, Abu Daud, ad-Darimi dan Ibn Majah (Disahihkan oleh al-Albani).

37. H/R Ahmad 3/4. Bukhari No 4351. Muslim 144. Ahmad, Abu Daud, an-Nasaii dan Baihaqi.

38. H/R Abu Daud. 4941, hasan sahih. H/R al-Baihaqi dalam "Asma wa as-Sifat" hlm. 300.

39. H/R Muslim, bab an-Nikah. 121.

اِنَّهُ سَاعَةٌ تُفْتَحُ فِيْهَااَبْوَابَ السَّمَآءِ فَاُحِبُّ اَنْ يَصْعَدَلِيْ فِيْهَا عَمَلٌ صَالِحٌ.

"Sesungguhnya pada waktu itu dibuka pintu-pintu langit, maka aku suka amal-amal solehku diangkat naik pada saat tersebut".[40]

Nabi Muhammad *sallallahu wa-sallam* pernah bertanya kepada Amran bin Hussin yang diketika itu beliau belum memeluk Islam:

كَمْ اِلَهًا تَعْبُدُ الْيَوْمَ ؟ قَال سَبْعَةٌ سِتَّةٌ فِىْالاَرْضِ وَوَاحِدٌفِىالسَّمَآءِ فَقَالَ: فَاِذَا اَصَابَكَ الضَّرَرَ فَمَنْ تَدْعُوْا ؟ قَالَ : اَلَّذِيْ فِى السَّمَاءِ.

"Bertanya Rasulullah (kepada Amran bin Hussin sebelum beliau memeluk Islam): Berapa tuhan yang engkau sembah pada hari ini? Beliau menjawab: Tujuh, enam di bumi dan satu di langit. Baginda bertanya: Diketika engkau ditimpa bahaya maka tuhan yang mana yang engkau seru? Beliau menjawab: Tuhan yang di langit".[41]

Ummul mukmimin Zainab berbangga kerana dinikahkan oleh Allah yang di atas langit yang ketujuh sebagaimana pengakuan beliau:

زَوَّجَكُنَّ اَهَالِيكُنَّ وَزَوَّجَنِيَ اللهُ مِنْ فَوْقَ سَبْعَ سَمَاوَاتِ.

"Kamu dikahwinkan oleh ahli-ahli kamu dan aku dikahwinkan oleh Allah dari atas langit yang ke tujuh".[42]

Semasa kewafatan 'Aisyah Ibn Abbas berkata kepadanya:

كُنْتُ اُحِبُّ نِسَاءَ رَسُوْلَ اللهِ وَلَمْ يَكُنْ رَسُوْلُ اللهِ يُحِبُّ اِلاَّطَيِّبًا وَاَنْزَلَ اللهُ بَرَاءَ تكِ مِنْ فَوْقَ سَبْعَ سَمَاوَاتِ.

"Aku sentiasa mencintai para isteri Rasulullah sebagaimana mencintai Rasulullah salallahu 'alaihi wa-sallam dan tidak pernah Rasulullah salallahu 'alaihi wa-sallam mencintai sesuatu kecuali kerana kebaikannya dan Allah telah membersihkan engkau dari atas langit yang ketujuh".[43]

قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: هَذِهِ اِمْرَاَةٌ سَمِعَ اللهُ شَكْوَاهَا مِنْ فَوْقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ هَذِهِ خَوْلَةُ بِنْتُ ثَعْلَبَةُ.

---

[40]. H/R Ahmad dan Turmizi. (Hadith sahih).
[41]. H/R Al-Baihaqi dalam "Al-Asma wa-sifat" hlm. 300.
[42]. H/R Bukhari No. 7420. Baihaqi "Al-Asma wa-sifat". Hlm. 296.
[43]. H/R Bukhari No. 7421.

"Berkata 'Umar: Inilah wanita yang didengar Allah pengaduannya dari langit ketujuh, inilah Khaulah binti Thalabah".[44]

Imam Bukhari *rahimahullah* meriwayatkan hadis:

لَمَّاقَضَىاللهُ الْخَلْقَ كَتَبَ كِتَابًا عِنْدَهُ سَبَقَتْ رَحْمَتِيْ غَضَبِى فَهُوْ عِنْدَهُ فَوْقَ السَّمَآءِ.

"Setelah Allah mencipta makhluk, ditulis satu kitab di sisiNya: RahmatKu mendahului kemurkaanKu. Ia di sisiNya di atas 'Arasy".[45]

Semua dalil-dalil di atas membuktikan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* bersemayam di atas 'ArasyNya. 'ArasyNya di atas langit yang ketujuh. Imam Abu Hasan al-Asy'ari *rahimahullah* juga telah menjelaskan bahawa al-Quran bukan makhluk dan diturunkan oleh **Allah yang berada di langit**:

"Allah bersifat, bertangan, bersemayam di atas 'ArasyNya, mempunyai muka, al-Quran Kalamullah bukan makhluk diturunkan (dari langit)".[46]

Mengingkari keterangan tentang nama-nama, sifat, zat dan perbuatan Allah yang terdapat dalam al-Quran, hadith dan athar yang sahih adalah kufur. Imam al-Auza'I ahli Syam menegaskan:

كُنَّا وَالتَّابِعُوْنَ مُتَوَافِرُوْنَ نُقُوْلُ: اَنَّ اللهَ عَلَىعَرْشِهِ وَنُؤْمِنُوْابِمَاوَرَدَتْ بِهِ السُّنَّةَ مِنْ صِفَاتِ اللهِ تَعَالَى.

"Kami dan para Tabi'in sepakat dengan qaul kami: Sesungguhnya Allah di atas 'ArasyNya, kami beriman dengan yang dinyatakan oleh sunnah berkenaan sifat-sifat Allah".[47]

عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ وَهَبٍ قَالَ: كُنْتُ عِنْدَ مَالِكٍ فَدَخَلَ رَجُلٌ فَقَالَ : يَا اَبَا عَبْدَ الرَّحْمَن" اَلرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى" كَيْفَ اسْتَوَى ؟ فَاَطْرَقَ مَالِكُ فَاَخَذَتْهُ الرَّحْضَاءَ ثُمَّ رَفَعَ رَاْسَهُ فَقَالَ : اَلرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَىكَمَاوَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ وَلاَ يُقَالُ كَيْفَ وَكَيْفَ عَنْهُ مَرْفُوْعٌ وَمَا اَرَاكَ اِلاَّ صَاحِبُ بِدْعَة فَاَخْرِجُوْهُ.

"Dari Abdullah bin Wahab berkata: Aku pernah bersama Malik maka masuk seorang lelaki lalu bertanya: Wahai Aba Abdul Rahman! "Ar-Rahman bersemayam

---

44. Al-Baihiqi di dalam sanadnya. Lihat: اجتماع الجيوش الاسلامية hlm. 39. Ibn Qaiyim.

45. H/R Bukhari, 7554. Muslim, bab at-Taubah, 14.

46. Lihat: اعتقاد ائمة الحديث Hlm. 50-51. Ismaili.

47. Lihat: فتح البارى. Jld. 13. Hlm. 406. Ibn Hajar al-Asqalani.

di atas 'Arasy", bagaimana Dia bersemayam? Beliau terus mengingkari dan marah sambil mengangkat kepalanya berkata: Ar-Rahman bersemayam di atas 'ArasyNya sebagaimana telah disifatkan oleh Allah pada dirinya sendiri, janganlah ditanya bagaimana dan kenapa kerana telah marfu' tetanganya, tidaklah aku ketahui tentang dirimu kecuali seorang pelaku bid'ah, maka keluarkanlah dia".[48]

Bertanyakan *"Bagaimana Allah bersemayam di atas 'Arasy"* dianggap oleh Imam Malik dan Rabi'ah sebagai bid'ah, kerana bertanya tentang apa yang tidak diketahui tidak mungkin memperolehi jawapannya.[49] Memperkatakan sifat-sifat Allah adalah sebahagian dari memperkatakan tentang ZatNya. Jika akal tidak berdaya mengetahui tentang zatNya maka begitu juga akal tidak mampu mengetahui bagaimananya sifat Allah. Beginilah manhaj para Salaf as-Soleh, mereka meletakkan kesempurnaan akal mengikut tempat dan kadar kemampuannya[50] dan tidak mencabuli ayat-ayat dan sabda NabiNya dengan akal dan hawa nafsunya. Berkata Turmizi:

وَهُوَعَلَىالْعَرْشِ كَمَاوَصَفَ بِهِ نَفْسهُ فِىكِتَابِهِ كَذَا قَالَ غَيْرُوَاحَدٍ مِنْ اَهْلِ الْعِلْمِ.

"Berkata Turmizi: Ia bersemayam di atas 'Arasy sebagaimana yang disifatkanNya sendiri di dalam kitabNya. Beginilah perkataan ahli ilmu yang bukan seorang sahaja yang mengatakannya seperti itu".[51]

Allah Di Langit

Dengan penjelasan terperinci ini, nyatalah bahawa akidah golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah yang bermanhaj Salaf, sepakat meyakini Allah di langit yang ketujuh dan bersemayam di atas 'ArasyNya. Abdullah bin al-Mubarak *rahimahullah* semasa ditanya di mana Allah:

وَقِيْلَ لاِ بْنِ الْمُبَارَكِ: كَيْفَ نَعْرِفُ رَبَّنَا؟ قَالَ: بِاَنَّهُ فَوْقَ السَّمَآءِ السَّابِعَةِ عَلَى الْعَرْشِ.

"Ketika ditanyakan kepada Abdullah bin al-Mubarak: Bagaimana kita mengetahui Tuhan kita? Kita mengetahuiNya bahawa sesungguhnya Dia di langit yang ke tujuh di atas 'ArasyNya".[52]

Golongan Jahmiyah tidak dianggap sebagai Ahli Sunnah wal-Jamaah dan tergelincir dari manhaj Salaf kerana tidak mempercayai Allah di langit:

---

[48]. Ibid. Hlm. 407.

[49]. **الدعوة السلفية فى مفهومها الصحيح عقيدة وعبادة** Hlm. 92. Sa'udin Mohammad Al-Kasbi.

[50]. Ibid.

[51]. Lihat: **عون المعبود.** Jld. 13. Hlm. 42.

[52]. Lihat: السنة hlm. 5. Abdullah bin al-Imam Ahmad.

وَقِيْلَ لِيَزِيْدِ بْنِ هَارُوْن : مَنِ الْجَهْمِيَّةُ ؟ فَقَالَ : مَنْ زَعَمَ اَنَّ الرَّحْمَنَ عَلَى الْعَرْشِ اسْــتَوَى عَلَى خِلاَفِ مَا يَقِرُّ فِى قُلُوْبِ الْعَامَةِ فَهُوْ جَهْمِيْ.

"Pernah ditanyakan kepada Yazid bin Harun: Siapa itu Jahmiyah? Beliau berkata: Sesiapa yang mempercayai Ar-Rahman (Allah) bersemayam di 'ArasyNya (tetapi kepercayaannya) tidak sebagaimana yang dipercayai oleh orang-orang Islam, maka itulah Jahmiyah".[53]

Golongan Jahmiyah mempercayai Allah bersemayam di Arasy tetapi tidak percaya bahawa Allah di langit, maka sesiapa yang mempunyai keyakinan seperti ini dia adalah Jahmiyah. Berkata Hamad bin Zaid: *"Jahmiyah ialah mereka yang menyatakan bahawa di langit tidak ada sesuatu (Allah bukan di langit)".*[54]

Antara ayat yang dipertikaikan dan disalah tafsir oleh golongan ahli bid'ah dan Jahmiyah ialah:

قَالَ لاَ تَخَافَا ، اِنَّنِيْ مَعَكُمَآ اَسْمَعُ وَاَرَى.

"Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa takut, sesungguhnya Aku berserta kamu berdua, Aku Mendengar dan Melihat". ***Taha, 20:46.***

Maksud (اِنَّنِــيْ مَعَكُمَــا) *"Sesungguhnya Aku berserta kamu berdua"* ialah ilmunya keran ilmu Allah berserta dan meliputi segala-galanya. Allah Maha Mengetahui kerana ilmuNya di mana-mana. Allah berserta kita dengan ilmuNya kerana Dia Mendengar dan Melihat kita.[55] Namun, Allah bersemayam di atas ArasyNya di langit. Firman Allah:

اِنَّكُمْ تَدْعُوْنَ سَمِيْعًا قَرِيْبًا وَهُوَ مَعَكُمْ (اَيْ مَعَكُمْ بِعِلْمِهِ).

"Sesungguhnya kamu menyeru Yang Maha Mendengar, Yang Hampir Yang sentiasa berserta kamu (iaitu IlmuNya)".[56]

وَعِنْدَهُ مَفَاتِيْحُ الْغَيْبِ لاَ يَعْلَمُهَااِلاَّ هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِى الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ اِلاَّ يَعْلَمُهَا وَلاَ حَبَّةٍ فِى ظُلُمَاتِ الْاَرْضِ وَلاَ رَطْبٍ وَلاَ يَابِسٍ اِلاَّ فِى كِتَابٍ مُّبِيْنَ.

"Dan pada sisi Allah-lah kunci-kunci semua yang ghaib, tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia Mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daunpun yang gugur melainkan Dia Mengetahuinya (pula), dan tidak jatuh sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak ada sesuatu yang

---

[53]. Lihat: الابانة الكبرى (1/195ق) Ibn Battah.

[54]. ابانة Ibn Battah (1/917ق). الرد على الجهمية Ibn Abi Hatim. السنة hlm 12 Abdullah bin Ahmad.

[55]. Lihat: العقيدة الاسلامية من الكتاب والسنة الصحيحة hlm. 18.

[56]. H/R Muslim.

basah dan yang kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata (Loh Mahfuz)". ***Al-An'am, 6:59.***

Antara hadith yang menunjukkan Allah di atas 'ArasyNya, 'ArasyNya di langit dan ilmuNya di mana-mana ialah sabad Nabi Muhammad:

قَالَ مُعَاوِيَةُ بْنُ حَكَمُ السُّلَمِي: وَكَانَتْ لِيْ جَارِيَةٌ تَرْعَى غَنَمًا لِيْ اُحُدٍ وَالْجُوَانِيَةِ فَاطَّلَعْتُ ذَاتَ يَوْمٍ فَإِذَا بِالذِّئْبِ قَدْذَهَبَ بَشَاةٍ مِنْ غَنَمِهَاوَاَنَارَجُلٌ مِنْ بَنِيْ آدَمَ اَسَفَ كَمَا يَاْسَفُوْنَ . لَكِنِّيْ صَكَكْتُهَا صَكَّةً فَاَتَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَظَّمَ ذَلِكَ عَلَيَّ قُلْتُ: يَارَسُوْلَ اللهِ اَفَلااَعْتِقُهَا؟ قَالَ: اِئْتِنِيْ بِهَا. فَقَالَ لَهَا: اَيْنَ اللهُ؟ قَالَتْ: فِي السَّمَآءِ . قَالَ: مَنْ اَنَا ؟ قَالَتْ : اَنْتَ رَسُوْلُ اللهِ. قَالَ : اَعْتِقْهَا فَاِنَّهَا مُؤْمِنَةٌ.

Berkata Muawiyah bin Hakam As-Sulami: Aku memiliki seorang hamba wanita yang mengembalakan kambing di sekitar pergunungan Uhud dan Juwaniyah. Pada suatu hari aku melihat seekor serigala menerkam dan membawa lari seekor kambing gembalaannya. Sedang aku termasuk anak Adam kebanyakan. Maka aku mengeluh sebagaimana mereka. Kerananya wanita itu aku pukul dan aku marahi. Kemudian aku menghadap Rasulullah, maka baginda mempersalahkan aku. Aku berkata: Wahai Rasulullah! Adakah aku harus memerdekakannya? Jawab Rasulullah: Bawalah wanita itu ke sini. Baginda bertanya. Di mana Allah? Dijawabnya: Di langit. Baginda bertanya: Siapakah aku? Dijawabnya: Engkau Rasulullah. Maka baginda bersabda: Merdekakanlah wanita ini, kerana dia adalah seorang mukminah".[57]

Para ulama Salaf bersepakat, bahawa akidah mereka yang menyerupakan atau mengumpamakan Allah *Ta'ala* dengan makhlukNya adalah kufur, sesat dan syirik. Ia bertentangan dengan ayat di surah asy-Syura: *"Tidak ada sesuatupun yang serupa denganNya"*, 42:11, ayat al-Ikhlas *"Dan tidak ada seorangpun yang setara/sekufu dengan Dia"*, 112:4. Ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah menetapkan zat, nama-nama dan sifat-sifat Allah terbina di atas dua perkara:

1- Mensucikan Allah dari diserupakan makhlukNya berdasarkan firmanNya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيْعُ الْبَصِيْرُ.

"Tiada suatu yang semisal denganNya dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat". ***Asy-Syura, 42:11.***

2- Menjauhkan penyerupaan dengan cara bertanya atau mempersoalkan

57. H/R. Muslim dan Abi Daud.

"Bagaimana" zat dan sifat-sifat Allah. Kerana hanya Allah mengetahui sifat dan zatNya. Larangan ini berdasarkan firmanNya:

وَلاَ يُحِيْطُوْنَ بِهِ عِلْمًا.

*"Sedangkan ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmuNya". **Taha, 20:110.***

Menurut ayat ini, manusia tidak mengetahui yang ghaib kecuali melalui wahyu. Mereka tidak mampu mampu mengetahui akan hakikat sifat-sifat dan zat Allah kerana ia persoalan ghaib. Firman Allah:

عَالِمُ الْغَيْبِ فَلاَ يُظْهِرُ عَلَى غَيْبِهِ اَحَدًا اِلاَّ مَنِ ارْتَضَى مِنْ رَسُوْلٍ.

*"Dia adalah Tuhan Yang Maha Mengetahui yang ghaib. Maka Dia tidak memperlihatkan kepada seseorang pun tentang yang ghaib itu. Kecuali kepada rasul yang diredhaiNya". **Al-Jin, 72:26-27.***

Ayat ini menjelaskan Rasulullah tidak mengetahui apa yang berada di alam ghaib, yang terdapat di Loh al-Mahfuz serta apa yang ditulis dengan qalam, kecuali setelah dikhabarkan oleh Allah. al-Bushairi berkata:

فَاِنَّ مِنْ جُوْدِكَ الدُّنْيَا وَضَرَّتُهَا

وَمِنْ عُلُوْمِكَ عِلْمُ اللُّوْحِ وَالْقَلَمِ

"Sesungguhnya kedermawaanMu terhadap dunia dan kemudaratannya # Dandari ilmuMu adalah ilmu Loh al-Mahfuz dan ilmu al-Qalam.[58]

Ketidak-tahuan tentang ghaib telah dikhabarkan oleh Allah:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِيْحُ الْغَيْبِ لاَ يَعْلَمُهَا اِلاَّ هُوَ.

*"Pada sisi Allah sahaja kunci-kunci yang ghaib. Tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri". **Al-An'am, 6:59.***

قُلْ لاَ يَعْلَمُ مَنْ فِى السَّمَوَاتِ وَالاَرْضِ الْغَيْبَ اِلاَّ اللهُ.

*"Katakanlah! Tidak ada seseorang pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah". **An-Naml, 27:65.***

Semua dalil-dalil al-Quran dan hadith-hadith sahih di atas adalah wahyu yang mengkhabarkan Allah bersemayan di 'ArasyNya di langit ke tujuh. Dalil-dalil tersebut menolak alasan mengharamkan seseorang dari bertanya *"Di mana Allah berada?"* atau (اَيْنِيَّـةُ الله) *"Di mananya Allah".* Bertanya *"Di mana Allah"* untuk memastikan akidahnya adalah sunnah, kerana Nabi Muhammad bertanya kepada hamba perempuan dengan pertanyaan: *"Di mana Allah?".* Nabi Muhammad wajib dijadikan contoh kerana

---

58. Lihat: اركان الاسلام والايمان Muhammad bin Jamil Zinu.

baginda tidak mengikut hawa nafsunya apabila memperkatakan sesuatu. Oleh itu, seseorang yang bertanya *"Di mana Allah?"* tidak boleh dihukum sesat. Kepercayaan ahli bid'ah wajib ditolak jika enggan menjadikan Nabi Muhammad sebagai contoh dalam semua perkara yang berhubung dangan penentuan di mana Allah. Baginda bersabda:

كُلُّ اُمَّتِيْ يَدْخُلُوْنَ الْجَنَّةَ اِلاَّ مَنْ اَبَى قَالُوْا وَمَنْ يَأْبَ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: مَنْ اَطَاعَنِى دَخَلَ الْجَنَّةِ وَمَنْ عَصَانِيْ فَقَدْ اَبَى.

"Setiap umatku masuk syurga kecuali yang menolak. Mereka bertanya, siapakah yang menolak wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Sesiapa mentaati aku dia masuk syurga dan sesiapa bermaksiat dia menolak".[59]

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُوْلَ مِنْ بَعْدِ مَاتَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى وَيَتَّبِعْ غَيْرَسَبِيْلِ الْمُؤْمِنِيْنَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّى وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ وَسَآءَ تْ مَصِيْرًا.

*"Sesiapa menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mu'min, Kami biarkan ia leluasa terhadap kesesatan yang dikuasainya itu dan Kami masukkan ia ke dalam Jahanam dan Jahanam itu seburuk-buruk tempat kembali".**An-Nisa, 4:115.***

Kesimpulannya: Apa yang dijelaskan di tulisan ini berlandaskan al-Quran, as-Sunnah yang sahih dan fatwa para Salaf as-Soleh, mereka beriman dengan segala yang dikhabarkan oleh Allah tentang diriNya di dalam kitabNya, tidak dilakukan pada sifat, zat dan nama-namaNya tahrif, ta'til, takyif dan tamsil.[60] Dan Imam Ahmad *rahimahullah* pula berkata:

"Ditegah mensifatkan Allah kecuali dengan apa yang disifatkan sendiri oleh diriNya atau dengan apa yang disifatkan oleh RasulNya dan tidak pula melampaui batasan al-Quran dan al-Hadith".[61]

Mengingkari Zat, Nama & Sifat Allah Adalah Sesat

Terdapat golongan yang digelar *"Mu'attilah"* (مُعَطِّلَة) *"Yang menolak serta membatalkan sifat dan nama-nama Allah".* Mereka menafikan sama ada keseluruhan sifat dan nama Allah atau sebahagiannya. Telah disepakati oleh jumhur ulama Ahli Sunnah golongan ini sesat dan terkeluar dari millah Islamiyah. Sesiapa yang mengingkari adanya sifat serta nama Allah yang husna dia kufur atau zindik. Mu'attilah menuduh sesiapa percaya Allah bersifat dan bernama, maka ia telah menserupakan Allah dengan makhlukNya. Fahaman ini bertentangan dengan firman Allah:

---

59. H/R Bukhari no. 782.

60. Lihat: شرح العقيدة الوسطية hlm. 21. Ibn Taimiyah.

61. Ibid.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ

*"Maha Suci Tuhanmu Yang mempunyai kePerkasaan dari apa yang mereka (sifatkan) katakan". **As-Safat, 37:180.***

Menafikan nama serta sifat Allah adalah kufur. Allah menetapkan sendiri nama-nama, sifat dan zatNya di dalam al-Quran. Wajib diimani oleh setiap muslim tanpa dipersoalkan. Para ulama Ahli sunnah membantah sekeras-kerasnya pendapat yang membatalkan sifat, zat dannama Allah. Antaranya Imam Abu Hanifah. Beliau mengithbatkan nama-nama dan sifat-sifat Allah:

وَلَهُ يَدٌ وَوَجْهٌ وَنَفْسٌ كَمَا ذَكَرَهُ اللهُ تَعَالَى فِى الْقُرْآنِ فَمَا ذَكَرَهُ اللهُ تَعَالَى فِى الْقُـرْآنِ مِنْ ذِكْرِ الْوَجْهِ وَالْيَدِ وَالنَّفْسِ فَهُوَ لَهُ صِفَاتٌ بِلاَ كَيْف وَلاَ يُقَالُ اِنَّ يَدَهُ قُدْرَتَهُ اَوْ نِعْمَتَهُ لاَنَّ فِيْهِ اِبْطَالُ الصِّفَة.

"BagiNya tangan, muka dan nafs sebagimana yang diterangkan di dalam al-Quran, maka apa yang diterangkan oleh Allah Ta'ala di dalam al-Quran seperti menyebut muka, tangan dan nafs, maka bagiNya sifat tanpa ditanya bagimana? Dan tidak boleh dikatakan bahawa tanganNya ialah kudrat (kuasa)Nya atau nikmatnya kerana perbuatan tersebut membatalkan sifat (Allah)".[62]

Persamaan pada nama Allah dengan nama makhlukNya tidaklah semestinya menunjukkan adanya persamaan antara Allah dengan makhlukNya, sama ada pada zat atau pada sifat. Sebagai contoh, walaupun tangan manusia dan haiwan adalah sama pada istilah nama, namun ia tetap berlainan pada rupa, bentuk dan kebolehan tangan tersebut berfungsi. Begitu juga dengan tangan Allah dan semua sifat-sifatNya yang amat sempurna, ia tidak akan menyerupai tangan dan sifat sekalian makhlukNya kerana telah ditegaskan melalui firmanNya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

*"Tiada suatu pun yang serupa denganNya". **Asy-Syura, 42:11"**.*

Peyerupaan
Yang Menyesatkan

Menyerupakan zat atau sifat Allah dengan zat dan sifat makhlukNya adalah sesat sebagaimana sesatnya firqah *"Musyabbihah"* (مُشَبِّهَةٌ). Musyabbihah dimaksudkan: *"Yang menyerupakan (sifat dan zat) Allah dengan (sifat dan zat) makhlukNya".*

---

[62]. Lihat: مَنْهَج اهل السنة والجماعة فى توحيد الله تعالى Jld. 1. Hlm. 42. Khalid bin Abdul Latif bin Muhammad Nor.

Golongan terbesar terjebak ke dalam firqah ini ialah golongan ahli kalam, syeikh-syeikh tarikat, tasawuf serta para pengikutnya. Mereka sesat kerana mentakwil[63] mentamsil,[64] mentakyif dan menta'til nama-nama, sifat dan zat Allah. Akhirnya mereka menafikan zat dan sifat-sifat Allah atau menyamakan sifat Allah dengan sifat-sifat dan zat makhlukNya. Untuk mengelakkan dari terperangkap ke dalam firqah yang sesat, sewajarnya setiap mukmin melengkapkan diri dengan perisai ilmu.

---

[63]. Namun, tidak semua takwil dianggap batil (fasid), kerana menurut Ibn Qaiyim al-Jauzi: Takwil yang diterima ialah takwil makna yang sebenar dari segi zahir ayat. Termasuklah takwil umum yang dianggap ayat yang muhkamah dan ayat mutasyabihat, perintah dan tegahan. Maka takwil yang diterima ialah yang sesuai dengan apa yang digambarkan oleh nas dan dikuatkan oleh as-Sunnah yang menyokongnya. Lihat: (الصواعق المرسلة) Juz 1. Hlm. 171.

[64]. Qias menurut bahasa "Tamsil" iaitu memisalkan/menyerupakan. Mengqias atau mentamsil sifat atau zat Allah dengan sifat atau zat makhluk haram hukumnya, Allah berfirman: فَـــلاَ تَـــضْرِبُوْا لله اْلاَمْثَـــالَ *"Maka janganlah kamu mengadakan misal-misal/penyerupaan bagi Allah". An-Nahl, 16:74.*

عن وكيع بن حدس عَنْ اَبِيْ رَزِيْنِ الْعُقَيْلِيْ : قال: قلت يا رسول الله اين كان ربنا قبل ان يخلق السماء والارض ؟ قال : كان فى عماء ما فوقه هولء وما تحته هواء ثم خلق العرش ثم استولى عليه. الترمزي **288** ابن ماجه ، احمد والطيالسي (منحة المعبود) البيهقي (الاسماء والصفات **478-479**). ابن عبد البر (التمهيد). ابن جرير (فى تفسيره) ابن ابي شيبة (العرش **54**). ابن ابي عاصم (السنة **612**).

اسناده ضعيف لن وكيع بن حدس مجهول لم يروي عنه الا واصل بن عطاء كما قال البيهقى (فى الاسما والصفات **479**). قال الذهبي فى (الميزان **4**ظ**335**). والحديث ضعفه ابن قتيبة فى (تأويل مختلف الحديث **150**) والكوثرى فى تعلقاته على (الاسماء والصفات **479-513**). قال الامام ابن القيم الجوزية (اعلام الموقعين **4**ظ**267**) ليس بصحيح.

- - - - - - - - - - - - - - - - -

القصص: **38** _ غافر: **37**:

(**1**) قال عثمان بن سعيد الدارمي (فى الر على الجهمية **21**) لقد علم فرعون فى كفره وعتوه على الله ان الله عز وجل فوق السماء.

(**2**) قال ابن خزيمة (فى التوحيد **115**) ان فرعون مع كفره وطغيانه قد اعلمه موسى بذلك وكانه قد علم ان حالق البشر فى السماء.

(**3**) قال الجويني (اثبات الاستواء والفوقيه) ان موسى اخبره بان ربه فوق السماء

(**4**) قال ابن عبد البر (التمهيد **7**ظ**133**) فدل على ان موسى كان يقول الهي فالسماء وفرعون يظنه كاذبا.

(**5**) قال ابو الحسن الاشعري (الابانه **106**) ان الله سبحانه فوق السماء

(**6**) قال ابن الجرير الطبري (جامع البيان **49/20**) .

++++=- - - - -

ونبينا ص لما عرج به بليلة الاسراء وجد فاسماء الاولى آدم وفى الثانسة يحى وعيسى فى الثالثة يوسف فى الرابعة ادريس فى الخامسة هارون ثم وحد موسى وابراهيم ثم عرج الى ربه.

======*****

== احمد بن حنبل الشيباني (الرد على الجهمية والزنادقة 52) باب ما تأولت الجهمية من قوله تعالى : (ما يكون من نجوى ثلاثة الا هو رابعهم ولا خمسة الا هو سادسهم) قال: ان الله معنا وفينا فقلت: لما قطعتم الخبر من اوله ان الله عز وجل يقول: (الم تر ان الله يعلم ما فى السماء ولارض) فاخبر جل ثناؤهث انه يعلم ما فى السماوات وما فى الارض ثم قال : ما يكون من نجوى ثلاثة الا هو رابعهم....

== قال الدارمى (الرد على الجهمية 19) ومع كل احد من فوق عرشه بعلمه لان علمه بهم محيط. {يعلم السر وخفى} طه 7. اقرب الى احدهم من فوق العرش من حبل الوريد.

== قال الآجري (الشريعة 288) قيل له : علمه عز وجل والله على عرشه وعلمه محيط بهم وبكل شيء مِنْ خَلْقِهِ كضا فسره اهل العلم والآية تدل اولها وآخرها على انه العلم.

== قال مقاتل بن حيان فى تفسيره { ما يكون من نجوى ثلاثة الا هو رابعهم} هو على عرشه وعلمه معه. اخرجه عبدالله بن احمد (السنة 71) واللالكائى (شرح اصول اعتقاد اهل السنة والجماعة 400/3) البيهقى (الاسماء والصفات 542) وابو داود (مسائل الامام احمد 263) ابن ابي حاتم فى (تفسيره) كما فى (مجموع الفتاوى 496/5). اسناده حسن

== قال ابو الحسن الاشعري الذى ينتسب اليه الاشاعرة ظلما وجهلا فى (الابانه 107) ورءاينا المسلمين جميعا يرفعون ايديهم اذا دعو نحو السماء لان الله مستوى على العرش الذى فوق السموات فلولا ان الله على العرش لما يرفعوا ايديهم نحو العرش.

== وسئل سفيان الثورى عن قوله تعالى { وهو معكم اينما كنتم} فقال : علمه. اخرجه عبد الله بن احمد فى (السنة 72) واللالكائى فى شرح اعتقاد اهل السنة والجماعة 401/3) البيهقى فى (الاسماء والصفات 541).

== الشوكاني (فتح القدير 166/5) {وهو معكم اينما كنتم} أي بقدرته وسلطانه وعلمه

وقال (187/5) ومعنى {اينما كانوا} احاطة علمه بكل تناج يكون منهم فى أي مكـــان مـــن الامكنة.

+++ قال الامام احمد فى (الرد على الجهمية 53) باب بيان ذكر الله فى القرآن {وهو معكم} وهذا على وجوه قال لموسى {انني معكما} فى الدفع عنكما {لاتحزن ان الله معنا} فى الدفاع عنا {والله مع الصابرين} فى النصر لهم على عدوهم {والله معكم} فى النصر لكم علـــى عـــدوكم {وهو معهم} بعلمه {ان معي ربي سيهديني} فى العون على فرعون.

****

مذهب الظاهري؟

قال الامام ابو سليمان حمد محمد الخطابي : فان مذهب السلف اثباتها واجراؤُها على ظاهرها ونفى الكيفية والتشبيه عنها. انظر الروضة الندية شرح العقيدة الواسطية لعبـــد العزيـــز بـــن سليمان ص 23

الحافظ ابو عمر يوسف بن عبد الله النمري فى (التمهيد 145/7) وحملها على الحقيقـــى لا على المجتز لايكيفون شيئا من ذلك . واما اهل البدع والحهمية والمعتزلة كلها والخوارج فكلهم ينكرها ولا يحمل شيئا منها على الحقيقة.

....

قال الحتفظ الخطيب البغدادي : مذهب السلف اثباتها واجراؤُها على ظواهرها ونفى الكيفية والتشبيه عنها. انظر (مختصر العلو 48-49)

حديث منكر:

(1) قال ابن عباس فى تفسير قوله تعالى {الرحمن على العرش استوى} على جميع بريته فلا يخلو منه مكان. اخرجه ابن عبد البر فى (التمهيد 132/7) هذا حديث منكر عن ابن عباس ونقلـــه مجهولون ضعفاء . فاما عبد الله بن داود الواسطي وعبد الوهاب بن مجاهد فضعيفان وابراهيم بن عبدالصمد مجهول لايُعرف وكذبه الثوري.

@ قال شيخ الاســـلام فى (الرســـائل والمـــسائل 105/4) اتفق اهل العلم بالحـــديث انـــه موضوع.

(2) كنت كنزا مخفيا لا أُعرف فخلقت الخلق وتعرفت بهم فبي عَرَفُوْنِيْ.
@ تبعه ابن حجر والزركشي والسخاوي (المقاصد الحسنة **327**) وابن الديبع (تمييز الطيب من الخبيث **142**) والسمهودي (الغماز على اللماز **105**) والحوت فى (اسنى المطالب **143**) والقارى (المصنوع فى معرفة الحديث الموضوع **141**) والالوسي (روح المعاني **21/27**) ضعيف.
@ السيوطي (الدرر المنتشرة **147**) لا اصل له. == فثبت ان (اين الله؟) لفظ الرسول الله وقد صح فلم يبق مجملا